

Headline	AROMA TERSENDIRI GAHARU NEGARA		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	14 Jul 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	120,979
Page No	56,57	Readership	362,937
Language	Malay	ArticleSize	1616 cm <sup>2</sup>
Journalist	NURUL HUSNA MAHMUD	AdValue	RM 63,417
Frequency	Daily	PR Value	RM 190,251



**Nurul Husna Mahmud**  
nurul\_husna@hmetro.com.my

■ **Persatuan mahu kawal standard kualiti serta penjenamaan produk sebagai 'Malaysian OUD'**

**M**engikut kepercayaan masyarakat Melayu, kayu gaharu dikaitkan dengan unsur mistik apabila dikatakan mempunyai kebolehan menghalau jin dan makhluk halus.

Biasanya produk kayu berkeenaan dijadikan hulu senjata setiap kali masuk ke hutan sementara minyaknya pula digunakan untuk tujuan perubatan tradisional.

Selain Malaysia, setiap rumah, masjid mahupun pusat keramaian di Timur Tengah pastinya mempunyai aroma kayu berkeenaan. Sudah menjadi amalan ratusan tahun, setiap rumah kena ada kayu gaharu untuk dibakar.

Begitulah pentingnya hasil kayu hutan berkeenaan yang mana dahulunya didapati daripada Orang Asli yang bekerja mencari hasil hutan dan dijual kepada peraih.

Kini pokok itu mula ditanam secara komersial bagi memenuhi permintaan tinggi baik untuk tujuan penghasilan produk

wangian dan kosmetik selain eksport ke luar bagi kayu juga hasil minyaknya.

Menurut Pengerusi Persatuan Karas dan Gaharu Bumiputera (GAHARU) Arfan Ramli, disebabkan beberapa faktor itu mendorong kepada usaha pihaknya mengkomersialkan produk hasil hutan terbahit. Terutama isu dicuri penceroboh negara jiran iaitu Vietnam dan Kemboja.

"Gaharu hutan negara ini paling kurang nilainya boleh mencecah RM8,000 perkilogram (perkg) dan untuk kualiti ladang biasanya separuh daripada nilai berkeenaan.

"Cabaran untuk gaharu hutan ialah tiada lagi pencari tempatan terutama masyarakat Orang Asli berminat menjual hasil berkeenaan. Keadaan itu diburukkan lagi apabila kebelakangan ini laporan berita mengenai kehadiran pemburu hasil hutan haram dari Vietnam mahupun Kemboja yang menceroboh masuk ke hutan bagi mencuri hasil kayu kita termasuklah gaharu.

gaharu terbahit kata Arfan, ketika ini hampir 200 pemain industri termasuk penanam, usahawan produk dan peminat kayu terbahit berdaftar di bawah persatuan berkeenaan.

"Mengenai pemain industri ketika ini, difahami terdapat dua kategori iaitu 'upstream' dan 'downstream' merujuk kepada pecahan produk di pasaran.

"Upstream lebih kepada produk dieksport iaitu kayu itu sendiri dan pati minyak gaharu, sementara 'downstream' iaitu hasil-hasil untuk produk-produk wangian, kosmetik serta peralatan sembahyang.

"Kelebihan minyak wangi dihasilkan iaitu kualiti bau yang unik selain dikenali sebagai perservatif semula jadi dalam bahan kosmetik.

"Melihat permintaan dan produk daripada gaharu boleh dikembangkan, kita melihat masa depan Malaysia OUD itu sendiri bermula dengan usaha melahirkan lebih ramai usahawan gaharu yang berjaya," katanya.

Persidangan antarabangsa itu julung kali diadakan GAHARU dengan kerjasama penggiat industri dari India membantu meningkatkan

lagi skil dan kemahiran diperlukan industri kayu itu.

Pengunjung bersama dari India Pengarang Incense Media Deepak Goyal, menyifatkan 'dasar terbuka' Malaysia terhadap pengusaha dari India bakal memberi manfaat terhadap masa depan industri gaharu berkeenaan.

"Malaysia rakan strategik dalam menyediakan platform peluang kepada peniaga mahu kembangkan produk gaharu terutama dalam wangian dan produk kosmetik ke Asia.

"Buktinya bukan Malaysia, malah rakan dari rantau ini seperti Vietnam, Filipina, Kemboja dan ramai lagi hadir untuk berkongsi pengetahuan dalam teknologi serta produk bagi membantu usahawan masing-masing. Kami menerima maklum balas baik daripada 200 pengusaha datang dari pelbagai negara," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Pemasaran Al-Hilmi Agarwood Sdn Bhd Jessica Eismail berkata, pihaknya berharap dengan adanya rangkaian daripada program sedemikian membantu mengembangkan produk tempatan ke pasaran luar. "Mungkin sudah ramai



Headline	AROMA TERSENDIRI GAHARU NEGARA		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	14 Jul 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	120,979
Page No	56,57	Readership	362,937
Language	Malay	ArticleSize	1616 cm <sup>2</sup>
Journalist	NURUL HUSNA MAHMUD	AdValue	RM 63,417
Frequency	Daily	PR Value	RM 190,251

**"Gaharu hutan negara ini paling kurang nilainya boleh mencecah RM8,000 perkilogram (perkg) dan untuk kualiti ladang biasanya separuh daripada nilai berkenaan**

Arfan Ramli



tahu khasiat pati, tetapi kelainan dalam seleksi rangkaian produk kosmetik kami ialah menggunakan ekstrak daun gaharu.

"Sebenarnya ini ialah penemuan anak tempatan iaitu seorang pengkaji dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPS) dan kami kembangkan dalam produk terbaru menerusi penyelidikan serta pembangunan dengan usaha sama universiti lain.

"Mungkin masih baru tetapi ada potensi apabila dalam program antarabangsa ini kami dikunjungi pengusaha luar mahu membeli dalam jumlah yang besar bagi pasaran negara mereka," katanya.

Selain tidak memfokuskan kepada penghasilan produk akhir semata-mata, penanam turut diberi penekanan mengenai beberapa aspek mereka perlu ketahui dalam menghasilkan produk berkualiti tinggi keluar dari ladang.

Menghubungkan usahawan dengan peladang, kemahiran dan teknologi turut menjadi antara perbincangan peserta dalam persidangan kali ini.

Usahawan gaharu dari

Kuala Linggi, Melaka, Datuk Razak Ali berkata, bagi peladang semestinya mereka menantikan laba besar daripada hasil ditanam 10 tahun.

Realitinya tidak semua peladang kayu gaharu dapat menghasilkan produk berkualiti kerana terdapat beberapa aspek mereka terlepas pandang.

"Kalau kayu mereka pokok yang sihat dan disuntik ubat dengan betul, dalam tempoh dua atau tiga tahun selepas disuntik, satu pokok hasil purata boleh dapat sekitar RMI,000 paling kurang.

"Bayangkan 100 pokok ditebang, hasilnya sudah berapa. Jadi penting untuk peladang dapatkan gambaran tepat seawal daripada tanam supaya pelaburan mereka lapan hingga 10 tahun itu berbaloi.

"Kebimbangan saya yang bertahun dalam bidang gaharu ialah mendapati ada antara rakan peladang sering menjadi mangsa kepada penipuan berkait dengan ubat suntik.


"Setakat ini tiada lagi agensi kerajaan mahupun universiti tempatan mengisytiharkan mereka ada ubat suntik mampu menjamin pengeluaran

hasil gaharu terbaik dan itu menyebabkan peladang ambil alternatif luar iaitu mencuba apa saja.

"Kesannya ada pokok rosak, mati dan peladang menjadi mangsa penipuan. Justeru sebagai individu pernah melalui fasa berkenaan, nasihat saya dapatkan pakar suntik yang benar-benar ada reputasi. Selain merujuk kepada agensi seperti Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) untuk dapatkan maklumat tepat," katanya.

Mengenai penilaian hasil baik kata Razak, makin hitam gaharu makin tinggi nilainya. Namun, ada faktor lain akan dinilai termasuklah urat kayu, keberatan atau permukaan kayu itu seluruh hitam atau sebahagian putih, selain aroma sebaik dibakar.

Kebanyakan peladang ialah di Kelantan, Perak, Johor dan ada juga sebahagian di Sabah serta Sarawak. Ketika ini tiada data spesifik direkodkan kecuali melalui pas pelepasan Jabatan Perhutanan kerana ia tergolong dalam kayu jenis hutan.



1. RUPA kayu gaharu hitam.

2. GAHARU eksotik dipamerkan sebagai hiasan.

3. MEMPUYAI nilai tinggi baik segi estetika sehingga mempunyai pengumpul.

4. RAZAK menunjukkan hasil kayu gaharu ditukarkan kepada minyak.

5. ANTARA pengusaha dari India bersama produk karas dan gaharu masing-masing.

6. BANYAK versi bauan boleh dihasilkan daripada ekstrak atau minyak gaharu.

7. PRODUK tempatan juga tidak kurang hebatnya.

8. RAZAK menunjukkan cara suntikan pada pokok.

9. PEKERJA terpaksa memanjat untuk suntik ke bahagian tinggi.

10. HASIL boleh dilihat pada dahan pokok juga.